

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN**
- DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG]**
- TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)**
- SOALAN : Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**
- (a) apakah Kementerian sedar bahawa penyakit-penyakit padi dalam kawasan MADA sekarang terlalu banyak hingga menjejaskan pendapatan petani. Antaranya penyakit Bena Perang yang telah lama menyerang padi, tetapi hingga sekaarang tidak ada racun yang dapat mengatasinya; dan
 - (b) apakah rancangan Kementerian dalam usaha membantu petani untuk melawan penyakit-penyakit padi seluruh negara supaya pendapatan mereka tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Kementerian menyedari bahawa wujudnya serangan penyakit dan perosak padi di Kawasan Muda. Antara jenis serangan penyakit yang menyerang padi adalah karah daun, karah tangkai, hawar daun bakteria, jalur daun bakteria, hawar seludang, bintik perang dan sebagainya manakala serangan perosak pula seperti tikus,

bena perang, bena belakang putih, ulat pengorek batang, ulat gulung daun, kutu beruang, kesusung dan sebagainya.

Antara faktor yang menyebabkan penularan penyakit adalah disebabkan oleh faktor perubahan iklim seperti hujan yang lebat pada bulan November 2014 sehingga mewujudkan keadaan yang lembab pada Musim 2/2014. Walau bagaimanapun, didapati serangan perosak pada musim 1/2014 hanya melibatkan 2% kawasan di MADA iaitu seluas 2,000 hektar daripada 98,000 hektar kawasan bertanam. Pola serangan yang berlaku juga adalah bertompok-tompok '*spotted*' bukannya kejadian serangan merebak. Serangan yang berlaku pada tanaman padi yang hampir masak dan ini tidaklah menyebabkan kerugian yang besar kepada petani terlibat. Berdasarkan kepada Buletin Perangkaan MADA 2014, purata pendapatan bulanan petani dalam kawasan MADA didapati meningkat sebanyak 63% dalam tempoh 4 tahun iaitu berjumlah RM2,263 bagi tahun 2014 berbanding purata pendapatan bulanan petani bagi tahun 2000 iaitu sebanyak RM1,387.

- (b) Antara langkah Kerajaan menerusi peranan Jabatan dan Agensi dalam menghadapi serangan makhluk perosak adalah seperti berikut:
- (i) Menggalakkan petani mengamalkan Pengurusan Perosak Bersepadu seperti menggunakan benih padi yang sihat dan bebas penyakit serta melaksanakan rawatan terhadap benih padi sebelum ia ditanam;
 - (ii) Kerjasama antara agensi dalam membangunkan varieti benih padi baru dan rintang terhadap penyakit. MARDI dan MADA telah mengenalpasti teknologi terkini iaitu menerusi teknologi '*seed coating*' yang diusahakan dengan pihak swasta. Pengujian teknologi ini telah mula dilaksanakan pada Musim

2/2014 dan dijangka dilancarkan pada Musim 2/2015. Teknologi ini diharapkan mampu mencegah serangan penyakit dan perosak pada benih padi pada peringkat awal pertumbuhan; dan

- (iii) Pelaksanaan kempen kesedaran mengenai penjagaan tanaman dan kawalan terhadap makhluk perosak. Pada tahun 2015, MADA telah merancang 12 siri kempen seperti Kempen Kawalan Perosak dan Penyakit, Kempen Keselamatan Penggunaan Racun, Kempen Pematuhan Jadual Penanaman Padi dan sebagainya.